

Umno tidak akan ke Sarawak, kata Muhyiddin
Malaysian Insider
Feb 13, 2014
OLEH DESMOND DAVIDSON

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mengesahkan Umno tidak akan memasuki Sarawak.

Beliau berkata, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), parti komponen Barisan Nasional (BN) di negeri tersebut sudah mencapai segala harapan Umno dan tidak perlu ke negeri berkenaan.

"Tiada sebab untuk kita mengulangi apa yang sudah dicapai," katanya pada sidang media selepas pertemuan dengan wakil pertubuhan perniagaan di Kuching.

"Tiada keperluan. Seperti Umno di Semenanjung, PBB menjadi parti komponen utama di mana kesemua parti komponen bersama.

"Dan peranan dimainkan PBB sama seperti Umno di Semenanjung dan Sabah," katanya.

Justeru, timbalan presiden Umno itu berkata PBB juga tidak akan diganggu.

"Ia menjurus kepada situasi politik yang stabil yang kemudiannya membawa kepada keadaan kondusif untuk pembangunan negeri.

Muhyiddin berkata, perkara pokok bukanlah parti, tetapi objektif yang dicapai.

Sarawak jelasnya mempunyai segalanya, bersatu, keamanan, kemajuan dan kestabilan.

Muhyiddin yang tiba petang semalam sedang dalam lawatan tiga hari ke Kuching.

Penyebaran Umno ke Sarawak menimbulkan kebimbangan rakyat Sarawak, termasuk BN negeri dan juga pembangkang dari Pakatan Rakyat (PR).

Dalam mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi BN negeri Ahad lalu, Taib menegaskan pentadbiran negeri seharusnya diberikan kepada anak tempatan dan hanya mereka yang mampu melindungi Perjanjian Malaysia.

Muhyiddin turut memuji legasi pentadbiran yang ditinggalkan Taib.

Sejak 33 tahun pentadbiran Taib, jelas Muhyiddin, landskap ekonomi Sarawak mengalami perubahan.

Taib juga jelasnya mempunyai keunikan kerana mampu menyatukan rakyat pelbagai kaum dan agama dan membolehkan mereka hidup dalam harmoni.

"Isu kesatuan sangat penting, dan beliau dapat mencapainya di negeri ini."

"Tiada perbezaan yang ketara dan kita tidak pernah bertelagah. Tiada perkara seumpama itu berlaku dan ini membawa kepada kejayaan Sarawak," katanya.

Muhyiddin mengakhiri lawatannya di kawasan perkampungan Lundu, sekitar 200 kilometer dari Kuching. – 13 Februari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/umno-tidak-akan-ke-sarawak-kata-muhyiddin>